



15 DEC, 2022

## KSTI terus komited sedia kursus ICT percuma untuk rakyat Sabah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

### KSTI terus komited sedia kursus ICT percuma untuk rakyat Sabah

**KOTA KINABALU:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) sentiasa komited dalam menyediakan kursus berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk rakyat negeri ini.

Sejak sedekad yang lalu, ramai rakyat Sabah mendapat manfaat menerusi kursus ICT yang ditaja sepenuhnya oleh KSTI.

Pengurus Kanan Advanced Business Systems Consultants Sdn Bhd (ABSC) iaitu penyedia latihan yang dilantik Ginny Wong berkata, tahun ini sahaja menyaksikan ramai dalam kalangan belia menjalani latihan merangkumi lebih daripada 130 kursus ICT melalui penyedia latihan yang dilantik.

Katanya, ABSC terus memainkan peranannya dalam membantu KSTI memastikan semua rakyat Sabah diberi peluang untuk mengakses kursus ICT yang ditaja sepenuhnya oleh kerajaan negeri.

Sehubungan itu, pihaknya merancang jadual latihan yang komprehensif untuk 2023 melibatkan sebanyak 149 kursus ICT dan empat kursus bahasa.

“Seluruh latihan disokong penuh oleh sistem pentadbiran teknologi maklumat (IT) yang cekap merangkumi sistem pertanyaan pelbagai saluran, pendaftaran aplikasi mudah alih, lokasi makmal komputer canggih dengan pusat IT tempatan serta ‘Pusat Latihan Mudah Alih’ di seluruh Sabah serta pilihan untuk kelas dalam talian dengan e-pensijilan.

“Dengan pendekatan bersepadu ini, diharapkan latihan akan disampaikan dan dilaksanakan dengan lebih mudah,” katanya di sini.

Menurutnya, ABSC turut menyediakan 27 kursus ICT baharu pada tahun akan da-



**KURSUS:** Peserta menyertai kursus ICT di Dewan Kampung Tinuhan Tenghilan Tuaran.

tang dengan mengikuti trend perkembangan semasa dalam bidang revolusi industri 4.0 (IR4.0) seperti ‘Cisco Certified CyberOps Associate’, ‘Microsoft Certified Power BI Data Analyst Associate’, ‘Android Certified Application Development’, ‘Adobe Certified Professional in Digital Video: Adobe Premiere Pro’, ‘Meta Certified Digital Marketing Associate’, ‘R-Programming’, ‘Penciptaan Media Dalam Talian-Adobe Express, serta kursus lain yang berkaitan.

Menurutnya, kesemua 153 kursus yang ditawarkan pada 2023 bukan sahaja bermanfaat untuk pembangunan peribadi kerana kebanyakan kursus juga boleh memenuhi keperluan profesional spesifik.

“Sebagai contoh, terdapat 17 kursus pensijilan profesional diiktiraf di peringkat global yang dapat melengkapkan peserta dengan kelayakan sebagai juruteknik di lapangan.

“Bagi kursus lain, ia boleh meningkatkan kemahiran dan daya saing peserta di tempat kerja, memulakan ‘start-up’ sebagai teknopreneur, bekerja sendiri bahkan lebih banyak kebebasan dalam pekerjaan sebagai ‘freelancer,’” katanya.

Beliau berkata, selain pro-

gram ICT, ABSC terus menawarkan kursus bahasa seperti kursus ‘English for Employability’, Perbualan Korea, Jepun dan Mandarin yang sekian lama mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Usaha itu katanya, bagi menyahut seruan kerajaan negeri untuk melatih lebih ramai belia supaya lebih celik ICT dan kompeten bagi kesediaan pekerjaan pada masa hadapan.

Sehubungan itu, pihaknya mengalu-alukan para lepasan sekolah, graduan atau belia yang kini menganggur untuk mendaftar dan menghadiri mana-mana kursus yang disediakan.

“Semua kursus adalah percuma dan dilengkapi dengan bahan latihan, minuman dan e-sijil kehadiran.

“Orang ramai juga dialu-alukan untuk mendaftar kursus percuma dengan menghubungi Lovelone di talian 019-5401788/088-235218 (pejabat) untuk urusan lanjut.

“Pendaftaran secara dalam talian boleh dibuat melalui laman sesawang <https://amc.edu.my/government-sponsored-programme/> Pusat Latihan Pusat: AMC COLLEGE, Lot 43-44, 1st Floor, Likas Square Commercial Centre, Jalan Istiadat, Likas, Kota Kinabalu, Sabah,” jelasnya.



15 DEC, 2022

## KSTI terus komited sedia kursus ICT percuma untuk rakyat Sabah

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA KINABALU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) sentiasa komited dalam menyediakan kursus berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk rakyat negeri ini. Sejak sedekad yang lalu, ramai rakyat Sabah mendapat manfaat menerusi kursus ICT yang ditawarkan sepenuhnya oleh KSTI.